

2026 tahun pelaksanaan penuh agenda reformasi, pembangunan

RMK13 perkukuh momentum, pastikan pertumbuhan dilaksanakan secara tersusun

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Tahun 2026 menandakan titik perubahan penting dalam perjalanan ekonomi negara apabila agenda reformasi dan pembangunan kerajaan kini memasuki fasa pelaksanaan penuh, dengan impaknya mula dirasakan secara langsung oleh isi rumah, perniagaan dan keseluruhan ekosistem ekonomi Malaysia.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata momentum itu diperkukuh dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang menetapkan hala tuju strategik ke arah negara yang lebih berdaya tahan, bernilai tinggi dan inklusif.

Beliau menegaskan, RMK13 bukan sekadar dokumen perancangan, sebaliknya menjadi asas penting bagi memastikan pertum-



Amir Hamzah ketika menyampaikan ucap tama pada CEO Series 2026 anjuran REHDA Institute di Petaling Jaya, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

buhan ekonomi negara dilaksanakan secara tersusun, berfokus dan berteraskan kepentingan rakyat.

“Dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, Malaysia melalui fasa peralihan penting dari sudut tadbir urus dan pembangunan. Tahun 2025 menjadi tempoh memperjelas hala tuju serta memantapkan Ekonomi MADANI sebagai falsafah pentadbiran negara.

“Namun, tahun 2026 pula tahun pelaksanaan, apabila agenda reformasi dan pembangunan kera-

jaan diterjemahkan kepada tindakan sebenar yang memberi impak langsung kepada rakyat dan ekonomi,” katanya ketika menyampaikan ucap tama pada CEO Series 2026 anjuran REHDA Institute, di Petaling Jaya, semalam.

Amir Hamzah berkata, peranan kerajaan dalam fasa pelaksanaan ini adalah sebagai pemudah cara dengan menyediakan kestabilan fiskal, inisiatif strategik serta infrastruktur yang kondusif bagi membolehkan sektor swasta

berkembang dan berinovasi.

Beliau berkata, peserta industri kini sedang menyesuaikan diri dengan landskap ekonomi baharu, termasuk peralihan kepada model pendapatan berulang, pembangunan daerah kesejahteraan serta penyediaan bank tanah untuk pusat data dalam persekitaran global yang semakin mencabar.

“Dalam persekitaran ini, tanggungjawab kerajaan adalah memastikan kestabilan dan kejelasan dasar supaya keputusan komitmen jangka panjang dapat dibuat dengan penuh keyakinan,” katanya.

Menurut Amir Hamzah, pendekatan itu diterjemahkan menerusi Program Pengaktifan dan Reformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GEAR-uP) yang menjadi antara teras utama agenda ekonomi kerajaan.

Katanya, melalui GEAR-uP, kerajaan bekerjasama dengan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bagi menggerakkan pelaburan domestik berjumlah RM120 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang.

Pastikan modal negara dimanfaatkan

Beliau menegaskan, hasrat kerajaan adalah memastikan modal negara dimanfaatkan sebagai pemangkin pertumbuhan, khususnya bagi menyokong industri

berpertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi yang akan membentuk masa depan Malaysia.

“Kita tidak mencari modal yang sekadar singgah. Sebaliknya, kita mahu pelaburan yang membina, berakar umbi dan mencipta nilai berkekalan untuk rakyat Malaysia,” katanya.

Dalam ucapannya, Amir Hamzah turut menekankan kepentingan aset sebenar dan ekosistem hartanah sebagai asas kepada aspirasi pembangunan negara, khususnya dalam menyokong agenda pembangunan jangka panjang.

Katanya, aset fizikal berperanan sebagai jambatan antara dasar yang digubal kerajaan dengan kemakmuran yang dapat dirasakan rakyat di pelbagai peringkat dan wilayah.

Beliau turut menyentuh mengenai Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) yang disifatkan sebagai pelan induk transformasi negara berasaskan ekosistem rentas sempadan.

Dalam perkembangan berkaitan, Amir Hamzah berkata, negara juga sedang bersiap sedia menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026 dengan sasaran 47 juta pelawat dan RM329 bilion hasil pelancongan, sekali gus membuka ruang luas kepada pertumbuhan ekonomi serta pembangunan berimpak tinggi di peringkat nasional.